

19 OCT 2002

Mahathir-Kuasa/I

ARAB SAUDI BOLEH MENJADI KUASA DUNIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Arab Saudi mampu menjadi satu kuasa dunia, yang amat diperlukan oleh negara-negara Islam, dengan memajukan sepenuhnya kekayaan daripada minyak dan sumbernya yang lain untuk menjadi negara perindustrian dan kewangan yang kuat.

"Arabia Saudi berkedudukan baik untuk menjadi satu kuasa jika ia memilih berbuat demikian dan dibantu oleh setiap umat Islam di seluruh dunia," kata Perdana Menteri dalam ucap tama pada satu seminar mengenai Wawasan Ekonomi Saudi di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, hasrat untuk melihat sebuah negara Islam menjadi satu kuasa dunia bukan kerana umat Islam ingin menakluki dunia tetapi sekadar untuk menjamin bahawa umat Islam dan negara mereka tidak ditindas seperti sekarang.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri berkongsi wawasan beliau dan pengalaman Malaysia dalam memajukan ekonominya, untuk membolehkan Arab Saudi muncul sebagai sebuah negara perindustrian dan kewangan yang hebat.

Dr Mahathir berkata bahawa berdasarkan kepada perkiraan beliau tentang harga minyak sebanyak US\$20 setong pada masa ini, Arab Saudi sudahpun mampu mengaut US\$200 juta sehari dan US\$73 bilion setahun daripada eksport minyaknya sebanyak 10 juta tong sehari.

Dr Mahathir berkata beliau diberitahu bahawa berdasarkan kepada kadar pengeluaran sekarang, simpanan yang ada dapat bertahan selama 200 tahun.

Beliau mencadangkan supaya Arab Saudi tidak hanya mengeksport minyak mentah, sebaliknya melaksanakan projek penjana tenaga secara besar-besaran serta menjual kuasa elektrik, dan pendapatannya dapat menyerap ketidaktentuan harga minyak.

Negara itu juga harus menggunakan harga minyaknya yang rendah untuk membina dan memiliki loji tenaga di seluruh dunia yang boleh digerakkan oleh minyaknya sendiri yang dibekalkan menerusi paip atau dibawa dengan kapal ke seluruh dunia, kata Dr Mahathir.

"Setidak-tidaknya, ia boleh menjalin usaha sama dengan negara-negara pembeli kuasa tenaganya. Tarikannya adalah bekalan yang terjamin bagi minyak berharga rendah untuk loji-loji tenaga itu," katanya.

Sambil berkongsi pengalaman berhubung usaha Petronas di luar negara, Perdana Menteri berkata Arab Saudi harus menceburi bidang penjualan runcit produk daripada minyak.

Beliau berkata pengeluar-pengeluar utama barangan runcit minyak tidak lagi mempunyai sumber minyak di negara sendiri, dan mereka mendapatkan minyak dari serata dunia.

"Hari ini, mereka menguasai bekalan minyak dunia," katanya.

Dr Mahathir juga melihat Arab Saudi menjadi pengeksport air laut yang disuling di rantau ini selain menjadi negara yang kukuh dalam industri yang memerlukan banyak kuasa tenaga seperti aluminium.

Perdana Menteri berkata strategi perindustrian Malaysia boleh digunakan oleh Arab Saudi dengan menggunakan kelebihan daripada kos minyak daripada kos tenaga buruh.

Dr Mahathir berkata Arab Saudi, yang telah membuktikan kepada dunia tentang kemampuannya dalam bidang sains, mempunyai keupayaan menjadi kuat di bidang teknologi maklumat jika ia dapat menyediakan sumber manusia yang diperlukan.

--BERNAMA

ZS LES MFJ MAI